

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH**

TARIKH : 20 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam mengatasi masalah ketagihan peranti pintar (*gadget*) bagi kanak-kanak bawah umur kerana ia memberi kesan negatif terhadap pertuturan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) memandang serius akan kesan terhadap penggunaan peranti (*gadjet*) yang berlebihan dalam kalangan kanak-kanak.

Menyedari kepentingan isu ini, beberapa inisiatif untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran kepada ibu bapa dan masyarakat berkaitan penggunaan dan keselamatan siber telah dilaksanakan oleh agensi di bawah KPWKM iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Institut Sosial Malaysia (ISM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) seperti berikut:

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

- (i) **Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA)** yang diperkenal pada 2016 memberi pendidikan dan pengetahuan kepada ibu bapa mengenai aspek keselamatan yang mencakupi keselamatan di rumah, di luar rumah dan dalam talian.
- (ii) Bagi tempoh 2019 hingga 2021, seramai 205 jurulatih telah dilatih dengan kerjasama rakan strategik seperti KEMAS, Jabatan Perpaduan, JKM dan NGO. Melalui kerjasama ini, sebanyak 288 program telah dilaksanakan kepada 17,550 peserta.
- (iii) Penganjuran program pendidikan keibubapaan yang menekankan keselamatan siber, penggunaan gajet dan keselamatan kanak-kanak di alam siber, termasuk Forum Keibubapaan Digital dan Perlindungan Dalam Talian Kanak-kanak.
- (iv) Kempen-kempen kesedaran bersama NGO berkaitan penggunaan gajet secara positif seperti Masa Tanpa Gajet bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat untuk memperuntukkan masa berkualiti ketika bersama keluarga.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

- (i) **Program Keselamatan Kanak-Kanak Sahabat B.I.J.A.K: Selamat Dan Lindung** dilancarkan pada Oktober 2014 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, agensi kerajaan, dan NGO.
- (ii) Program ini bertujuan menyebarkan maklumat berkaitan aspek keselamatan kanak-kanak, termasuk literasi undang-undang kepada kanak-kanak sekolah, ibu, bapa, penjaga, guru-guru dan masyarakat.
- (iii) Sehingga 2020, seramai 96,797 orang kanak-kanak dari 414 sekolah telah mendapat manfaat.

Institut Sosial Malaysia (ISM)

- (i) **Siri Seminar Keselamatan Kanak-Kanak “Sentiasa Berwaspada dan Berjaga-jaga”** dengan kerjasama JKJ.
- (ii) Seminar ini bertujuan memberikan advokasi yang melibatkan semua pihak terutamanya komuniti supaya memberi sokongan, intervensi dan keterlibatan bersama dalam usaha mencegah jenayah seksual, keselamatan siber dan penggunaan gajet terhadap kanak-kanak

KPWKM juga merupakan rakan strategik bekerjasama dengan pihak DIGI melalui Program Digi CyberSAFE bagi menerbitkan risalah Panduan Mesra Keluarga Kepada Pengalaman Internet sebagai panduan kepada ibu bapa dan kanak-kanak dalam penggunaan gajet dan melayari Internet.

Sekian, terima kasih.